

SIARAN MEDIA

SME Corp. Malaysia bekerjasama dengan PPZ-MAIWP bagi Mudahkan PKS Bayar Zakat

Kuala Lumpur, 6 Mac 2020 – SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah mengadakan kerjasama dengan Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) bagi memudahkan PKS membuat pembayaran zakat perniagaan. Susulan kerjasama ini, Majlis Zakat Usahawan 2020 telah dianjurkan di Dewan Mahkota, SME Corp. Malaysia yang bertujuan untuk menggalakkan PKS di bawah naungan SME Corp. Malaysia untuk membayar zakat perniagaan mereka di PPZ-MAIWP, selain memberikan maklumat mengenai zakat perniagaan secara terus kepada usahawan yang menjalankan perniagaan di Wilayah Persekutuan.

Bersempena dengan Majlis ini, sijil perakuan pembayaran zakat telah diserahkan kepada kesemua 20 syarikat PKS di bawah naungan SME Corp. Malaysia yang telah membayar zakat perniagaan di PPZ-MAIWP dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM114,150 Membayar zakat merupakan kewajipan yang dituntut di kalangan umat Islam. Justeru itu, penyerahan sijil zakat perniagaan ini secara tidak langsung dapat memberikan keyakinan kepada para pelanggan mengenai urusniaga syarikat, seterusnya membantu memberi pulangan yang lebih positif terhadap syarikat-syarikat PKS tersebut.

Pada tahun 2019, SME Corp. Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan MAIWP melalui Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) yang bertujuan untuk mentransformasikan usahawan asnaf MAIWP “Dari Penerima Zakat ke Pembayar Zakat” melalui latihan keusahawanan. Dengan menggunakan konsep dan model Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera, Program TUB telah membantu meningkatkan operasi perniagaan 84 usahawan asnaf. Program ini telah menerima

maklumbalas yang positif dan akan diteruskan lagi pada tahun 2020 dengan sasaran seramai 100 usahawan asnaf lagi untuk dibangunkan.

Turut diadakan semasa Majlis Zakat Usahawan 2020 ialah Slot Penceramah Jemputan yang disampaikan oleh Ustaz Fauzi Mustafa bertajuk “Halal Haram Dalam Perniagaan”. Di antara tetamu yang hadir di Majlis Zakat Usahawan 2020 ini ialah Encik Zaky Moh, Ketua Pegawai Bahagian Pembangunan Kluster SME Corp Malaysia dan Tuan Haji Ahmad Shukri Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Kamsuzilawati Kamin atau Puan Aziatal Hasnida Sulaiman di talian 03-2775 6122 / 03-2775 6110 emel – aziatal_hasnida@smecorp.gov.my / kamsuzilawati@smecorp.gov.my.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

SME Corp. Malaysia
Level 6, SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

"PPZ-MAIWP Memudahkan Anda Berzakat"

Untuk makluman lanjut sila hubungi:

Norazlina Mohd Nordin Pengurus Unit Komunikasi Korporat PPZ-MAIWP 019 - 728 3839	Ilyia Mardhiana Mohamed Fauad Eksekutif Unit Komunikasi Korporat PPZ-MAIWP 019 - 550 6747
--	---

Senarai syarikat PKS yang menunaikan Zakat Perniagaan semasa Majlis Zakat Usahawan 2020

1. ACUAN UNGGUL SDN BHD
2. ARIFBINA RESOURCES
3. CYCLOMOTION SDN BHD
4. ERO BUILDERS ENTERPRISE
5. EURO ASIA CORPORATE SERVICES SDN BHD
6. FRZ SCIENTIFIC SDN BHD
7. GTA VISION SDN BHD
8. IE DIRECT SDN BHD
9. INSA PHOTO ZOOM SDN BHD
10. INTENSIVE ENERGY SDN BHD
11. ISOPLAS CORPORATION SDN BHD
12. JEZZELTON ENTERPRISE
13. MAMAN TRADING
14. MZO ENTERPRISE
15. OLEY ENTERPRISE
16. PURIWANGSA SDN BHD
17. QIESTINAMANDA INTERNATIONAL SDN BHD
18. QSYS TECHNOLOGIES SDN BHD
19. ROSEPUTIH SDN BHD
20. SERUNAI COMMERCE SDN BHD